



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bertam

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERUSAHA  
PROF MADYA IR DR RASHIDY RAZALI  
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL AKADEMIK (HEA)  
MENJALANKAN TUGAS-TUGAS REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

SEMPENA  
KARNIVAL MERDEKA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN  
DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT UiTMCPP TAHUN 2022

DI  
DEWAN TERBUKA, UiTMCPP KAMPUS BERTAM

PADA  
7 SEPTEMBER 2022 / 10 SAFAR 1444  
(RABU)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَحْمَمِيْنَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

- 1. Yang Berusaha Prof Madya Ts Dr. Basharudin Abdul Hadi**  
**Timbalan Rektor**  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh
- 2. Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani**  
**Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri**  
**Masyarakat & Alumni**  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh
- 3. Yang Berusaha En. Amir Heberd Abdullah**  
**Penolong Rektor**  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bertam
- 4. Yang Berusaha En. Khairulanwar Zakaria**  
**Pengurus Wilayah**  
Bank Muamalat Malaysia Berhad
- 5. Yang Berusaha Barisan jemputan khas dari Institut Latihan**  
**Perindustrian (ILP) Kepala Batas dan Pusat Giat MARA Bertam**  
**Perdana**

**6. Yang Berusaha Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Pulau Pinang.**

**7. Ahli Jawatankuasa Program, warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, seterusnya semua hadirin yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UiTM

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد  
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم  
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد  
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

## PENDAHULUAN

1. Segala puji dan rasa syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayahnya dapat kita semua berkumpul dalam Karnival Merdeka sempena sambutan bulan kemerdekaan dan hari Malaysia ke-65 yang julung kalinya di adakan di UiTMCPP Kampus Bertam.
2. Alhamdulillah, tahun ini kita meraikan kemerdekaan dengan semangat dari slogan “Keluarga Malaysia Teguh Bersama”.
3. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Kemerdekaan ke-65 dan Hari Malaysia kepada Yang Berusaha Prof Madya/ Dr./ Tuan / Puan, warga UiTM Cawangan Pulau Pinang dan

hadirin sekalian. Sesungguhnya, saya secara peribadi ingin memberikan penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah program, Puan Nurhayati Hassan dari Perpustakaan, PTAR serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan sokongan padu daripada Penolong Rektor Kampus Bertam iaitu Encik Amir Heberd Abdullah bagi penganjuran sambutan Karnival Merdeka pada hari ini.

4. Tidak lupa, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Bank Muamalat Malaysia Berhad yang turut memberikan sumbangan dalam menjayakan program Karnival Merdeka pada hari ini. Terima Kasih diucapkan.
5. Tidak terkecuali, lain-lain agensi luar iaitu jiran-jiran berhampiran UiTM Kampus Bertam termasuk Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas dan Pusat Giat MARA Bertam Perdana yang turut hadir memeriahkan Karnival Merdeka pada hari ini dengan menghantar penyertaan kontigen perbarisan. Tahniah diucapkan.
6. Semoga tahun hadapan, lebih ramai kontigen dan penglibatan daripada agensi luar dapat bersama-sama dengan kita dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang sambutan bulan kemerdekaan.

Hadirin yang dihormati sekalian

7. **Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang.** Rahmat dan nikmat kemerdekaan yang kita kecapi pada

hari ini adalah hasil perjuangan titisan darah, keringat dan air mata para pejuang negara yang berhempas pulas mempertahankan negara suatu ketika dahulu.

8. Tidak terhitung banyaknya nyawa yang terkorban dan tidak terkira nilai kerugian harta benda dalam mencapai sebuah erti kemerdekaan.
9. Antara tokoh-tokoh terkenal seperti Mat Kilau, Datuk Dol Said, Tok Janggut, Datuk Bahaman, Tok Gajah, Rentap, Datuk Maharajalela, Dato' Sagor, Haji Abdul Rahman Limpong, Datu Mat Salleh, Rosli Dhobi semuanya telah berkorban demi tanah air tercinta.
10. Semangat kepahlawanan mereka harus digilap kepada generasi baharu supaya mengenal sejarah pahlawan negara di samping menyelami erti kemerdekaan yang sebenar.

Hadirin yang dihormati sekalian

11. Ancaman penjajahan baharu di era modenisasi ini, tidak lagi melibatkan fizikal, malahan sangat berbahaya dengan menjajah minda dan jati diri bangsa. Hal ini yang kita semua takuti kerana ianya mampu menghancurkan sesbuah negara.
12. Ayuh, warga UiTM Cawangan Pulau Pinang dan hadirin sekalian, **Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.**
13. Hanya rasa cinta kepada negara membolehkan kita terus bekerjasama dan bersatu padu untuk mempertahankan nilai-nilai

kedamaian, keamanan dan kemerdekaan bagi membangun dan menjaga kedaulatan kita.

14. Adalah menjadi harapan saya dengan adanya majlis seperti ini, ianya dapat mewujudkan semangat juang dalam suasana muhibah dan harmoni di antara warga UiTM Cawangan Pulau Pinang khasnya.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian

15. Mengakhiri ucapan saya pada kali ini, dengarlah kata-kata ini;  
**Hari ini kita boleh menikmati kebebasan dan kemerdekaan,  
menikmati keselesaan dan hak yang diberikan kepada kita  
sebagai warganegara.**  
**Selamat menyambut Hari Kemerdekaan ke-65 dan Hari Malaysia  
Tahun 2022.**

**Merdeka! Merdeka! Merdeka!**

Sama-samalah kita mengucapkan kesyukuran di atas nikmat kebebasan dan kemerdekaan yang telah kita kecapai selama ini.

Dengan lafaz '*Bismillahirrahmaanirrahim*' saya dengan ini merasmikan Karnival Merdeka sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-65 dan Hari Malaysia Tahun 2022.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.**